

01/09/2003

Sambutan meriah di seluruh negara

Noorwati Salleh; Jalal Ali Rahim; Hussain Said; Azman Mahmood; Mohd KUALA LUMPUR: Perayaan Hari Kebangsaan ke-46 peringkat negeri disambut meriah dan penuh warna-warni dengan disertai rakyat pelbagai lapisan masyarakat.

Bagaimanapun, tiada sambutan diadakan di Kedah kerana masih berkabung selama seminggu berikutan kemangkatan Sultanah Kedah, Tuanku Bahiyah Tuanku Abdul Rahman, Selasa lalu.

Di SHAH ALAM, lebih 10,000 penduduk menyaksikan perbarisan kira-kira 20 kontinjen dan sambutan Ambang Merdeka di Dataran Kemerdekaan kelmarin. Menteri Besar Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Seri Onn Ismail dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Abdul Aziz Mohd Yusof, turut hadir.

Di SEREMBAN, Yang di-Pertuan Besar, Tuanku Ja'afar Tuanku Abdul Rahman, mengetuai kira-kira 10,000 rakyat meraikan sambutan di depan bangunan Majlis Perbandaran Seremban (MPS). Turut hadir, Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad.

Di MELAKA, 10,700 peserta daripada 128 kontinjen menyertai perarakan bermula di Dataran Pahlawan, Bandar Hilir. Turut hadir, Yang di-Pertua Negeri, Tun Syed Ahmad Shahabudin dan Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

Malam kelmarin, Mohd Ali merasmikan sambutan Ambang Merdeka di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) yang dihadiri kira-kira 10,000 pengunjung.

Di TANGKAK, Johor, 75 kontinjen membabitkan 3,100 peserta sektor awam, swasta, sekolah dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menyertai perarakan yang turut disaksikan Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman.

Abdul Ghani turut melepaskan 46 merpati dan 200 belon sebagai simbolik 46 tahun kemerdekaan negara.

Sambutan Ambang Merdeka di Johor Bahru malam kelmarin diadakan di Dataran Bandaraya dan dihadiri lebih 100,000 penduduk. Majlis diserikan dengan persembahan kebudayaan dan pertunjukan bunga api.

Di BUTTERWORTH, kira-kira 5,000 warga Pulau Pinang membanjiri Dataran Pemuda Merdeka di Jalan Bagan Luar bagi menyaksikan perarakan 7,631 peserta daripada 91 kontinjen pejalan kaki serta 11 kontinjen kenderaan.

Yang di-Pertua Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas; Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan Timbalan Ketua Menteri, Datuk Dr Hilmi Yahaya turut hadir. Abdul Rahman juga melepaskan konvoi Ekspedisi Keranamu Malaysia ke Kuala Terengganu anjuran Jabatan Hal Ehwal Khas (JHEK) Pulau Pinang.

Malam kelmarin, lebih 10,000 orang menyaksikan sambutan Ambang Merdeka di Padang Kota Lama, Georgetown yang diserikan dengan persembahan tarian, nyanyian artis dan pertunjukan bunga api.

Di KOTA BHARU, Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, menerima tabik hormat daripada 130 kontinjen perbarisan pelbagai sektor, membabitkan kira-kira 4,000 peserta pada sambutan peringkat negeri di Stadium Sultan Mohamad ke-IV.

Di KUANTAN, kira-kira 30,000 penduduk membanjiri padang Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) bagi memeriahkan sambutan yang dimulakan dengan pemeriksaan perbarisan kawalan kehormat oleh Pemangku Raja Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah.

Turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob dan timbalannya, Datuk Tan Aminuddin Ishak. Orang ramai turut dihiburkan dengan persembahan pertunjukan silat gabungan dan persembahan Wira Merah yang melakukan aksi

akrobatik membabitkan 40 anggota polis serta tentera, termasuk lima wanita.

Di KUALA TERENGGANU, 7,040 peserta daripada 148 kontinjen, termasuk 11 kontinjen kenderaan, menyertai perarakan bermula di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah. Turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Di SITIAWAN, lebih 10,000 rakyat membanjiri sepanjang Jalan Sitiawan-Lumut bagi menyaksikan perarakan 102 kontinjen mewakili jabatan dan agensi kerajaan, sektor swasta, sekolah dan pelbagai pertubuhan.

Sultan Perak, Sultan Azlan Shah; Raja Muda, Raja Nazrin Shah; Raja Di Hilir, Raja Jaafar Raja Muda Musa dan Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, turut hadir.

Malam kelmarin, Tajol Rosli mengetuai lebih 7,000 rakyat menanti detik 12 tengah malam di majlis Ambang Merdeka di Dataran Lumut.

Sementara itu, di Ipoh, puluhan ribu penduduk membanjiri Dataran Majlis Bandaraya Ipoh bagi menanti detik 12 malam menjelang sambutan kemerdekaan negara.

Di KOTA KINABALU, kira-kira 4,000 orang mengambil bahagian dalam perarakan mewakili 105 kontinjen membabitkan jabatan kerajaan, sektor swasta, institusi pendidikan dan pasukan keselamatan.

Turut hadir, Yang di-Pertua Sabah, Tun Ahmad Shah Abdullah dan isteri, Toh Puan Dayang Masuyah Awang Japar; Ketua Menteri, Datuk Musa Aman dan Pengerusi Jawatankuasa Induk Perayaan Bulan Kemerdekaan Peringkat Sabah, Datuk Yahya Hussin.

Di MIRI, kira-kira 20,000 rakyat pelbagai lapisan masyarakat menyertai sambutan di Stadium Miri.

Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud dalam perutusannya berkata, penghargaan perlu diberikan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana memimpin negara ke mercu kejayaan.

Di KANGAR, 181 kontinjen dengan 13,000 peserta menyertai perarakan yang turut disaksikan Pemangku Raja Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail, Raja Puan Muda, Tuanku Lailatul Shahreen Akashah dan Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim.